

Bekalan ikan kurang 50 peratus

sl 25/5/2022 ms: 3

JOHOR BAHRU - Selain bekalan ayam, bekalan ikan di bandar raya ini turut berkurangan menyebabkan berlaku sedikit peningkatan harga sekitar RM1 sehingga RM4 sekilogram.

Penjual ikan di Pandan yang mahu dikenali sebagai Ong berkata, bekalan ikan dan hidupan laut berkurangan 50 peratus berbanding sebelum ini menyebabkan harganya meningkat.

Katanya, pembekal memaklumkan bekalan diperoleh

tidak banyak memandangkan faktor cuaca selain kos pengangkutan yang meningkat.

"Ikan kembung, cencaru dan selar kuning alami masalah bekalan. Kebanyakannya diperoleh dari Perak.

"Sekarang ini kembung susah nak dapat walaupun orang ramai cari. Minggu lalu, kembung masih ada dan dijual antara RM18 hingga RM20 sekilogram (kg) berbanding hanya RM14 hingga RM16 sebelum ini.

"Ikan selayang pula se-

karang RM15.50 sekilogram berbanding hanya RM11 manakala cencaru pula naik ke RM11 berbanding hanya antara RM8 hingga RM9 sekilogram," katanya.

Peniaga ikan yang dikenali sebagai Firdaus pula memberitahu sotong pula mengalami lebihan penawaran berikutan musim sotong di Mersing ketika ini.

Katanya sotong dijual mengikut saiz yang mana bagi saiz kecil dijual serendah RM15.50 sekilogram.



Masalah bekalan antara faktor harga ikan meningkat.